

Khatam al-Quran sebelum 'pergi'

Remaja lemas ketika berkelah bersama keluarga di pantai

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Azmier (arwah) baru sahaja khatam al-Quran dua hari lalu dan hari ini dia pergi selama-lamanya," kata Azhar Bakar, 52, berhubung kejadian anak lelakinya yang lemas ketika mandi di pantai berhampiran hotel di Batu 4, Jalan Pantai di sini, semalam.

Mangsa, Azmier, 14, ditemui lemas oleh pasukan mencari dan menyelamat Balai Bomba dan Penyelamat Telok Kemang jam 1.35 tengah hari selepas sejam dilaporkan hilang.

Menurut Azhar, dia bersama isteri Zorani Abu Talib, 49, dan tiga anaknya berusia lapan hingga 14 tahun datang dari Petaling Jaya untuk beriadah di pantai Port Dickson.

"Sebaik sampai jam 12 tengah hari, Azmier seperti merajuk dan tidak mahu keluar kereta. Saya bertanya beberapa kali apa dia mahu tetapi hanya diam sebelum mengambil pelampung dan berlari ke pantai.

"Saya dan isteri menyediakan makanan di tepi pantai, manakala dua adik arwah turut ke pantai," katanya di Bahagian Forensik Hospital Port Dickson (HPD) di sini, semalam.

Azhar berkata, beberapa minit kemudian dia mendapati Azmier hilang dan hanya dua anak berada di pesisir pantai menyebabkan dia khuatir.

"Saya bertanya ke mana dia pergi dan mereka cakap Azmier mandi. Saya nampak pelampung Azmier berada jauh iaitu kira-kira 200 meter dari pesisir pantai.

"Saya berenang mendapatkannya

tetapi tidak nampak kelibat arwah. Saya minta bantuan orang ramai cari Azmier serta menghubungi talian kecemasan," katanya.

Katanya, sepasukan anggota bomba tiba di lokasi dan memulakan operasi mencari serta menyelamat sebelum menemui mayat anaknya sejam kemudian.

"Walaupun sedih, saya lega mayatnya ditemui. Saya reda dan anggap ini

takdir," katanya jenazah arwah dibawa pulang ke kampung di Kuala Selangor untuk dikebumikan.

Terdahulu, Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Telok Kemang Mohd Kamal Mohd Timar berkata, pihaknya menerima panggilan jam 12.30 tengah hari.

Beliau berkata, mayat mangsa ditemui 100 meter dari lokasi dia dilaporkan lemas.



MAYAT Azmier dibawa ke darat di pantai Port Dickson, semalam.



MUI keluarga kelihatan sedih menunggu jenazah mangsa di pekarangan Bahagian Forensik HPD.